

1.

Konstruksi Pengetahuan Sistem Bahasa: Morfologi

Cikgu Masri akan memilih _____ murid yang dapat melepasi ujian _____ sebagai atlet olahraga sekolah.

- ☐ A sesiapa
- ☐ B apa-apa
- ☐ C siapa-siapa
- ☐ D mana-mana

2.

Konstruksi Pengetahuan Sistem Bahasa: Morfologi

Menurut mangsa bot karam itu, hampir sembilan jam dia _____ di sebuah pulau sebelum bot penyelamat tiba.

- ☐ A terjerat
- ☐ B terlantar
- ☐ C terdampar
- ☐ D tergendala

3.

Konstruksi Pengetahuan Sistem Bahasa: Kosa Kata

Pilih ayat-ayat yang menggunakan **perkataan berhuruf condong dengan betul**nya.

- I Dia akan *jelas* perkara itu kepada ibu bapanya apabila tiba masanya nanti.
- II Puan Lim meminta *jelas* daripada pengetua tentang kes salah laku anaknya.
- III Suara gadis yang berambut ikal mayang itu tidak *jelas* pada pendengaran saya.
- IV Bukti yang dikemukakan oleh pihak pendakwa raya dalam perbicaraan itu kurang *jelas*.

- ☐ A I dan II sahaja
- ☐ B III dan IV sahaja
- ☐ C I, II, dan III sahaja
- ☐ D II, III, dan IV sahaja

4.

Konstruksi Pengetahuan Sistem Bahasa: Kosa Kata

Pilih ayat-ayat yang menggunakan **perkataan berhuruf condong dengan betul**nya.

- I Kuih onde-onde ini akan *menjemput* setelah dimasukkan ke dalam air.
- II Setiap hari, ayah akan *menjemput* saya dan adik di sekolah dengan kereta.
- III Syakir *menjemput* kami ke majlis perkahwinan kakak sulungnya pada hari Ahad ini.
- IV Cef Rizal *menjemput* sedikit garam lalu memasukkannya ke dalam gulai asam pedas itu.

- ☐ A I dan II sahaja
- ☐ B III dan IV sahaja
- ☐ C I, II, dan III sahaja
- ☐ D II, III, dan IV sahaja

5.

Konstruksi Pengetahuan Sistem Bahasa: Sintaksis

Bahagian yang **bergaris** dalam ayat-ayat yang berikut **mungkin** **mengandungi** **kesalahan** **penggunaan bahasa** **dan** **mungkin juga tidak.**
Tandakan sama ada **A, B** atau **C** jika ayat itu **mengandungi** **kesalahan** **dan** **tandakan** **D** jika **tiada** **kesalahan.**

Pasukan bola sepak kebangsaan telah berusaha sedaya upaya dalam perlawanan itu lantaran akhirnya kalian tewas jua kepada pasukan lawan.

- ☐ A atau akhirnya dia tewas
- ☐ B tetapi akhirnya mereka tewas
- ☐ C walaupun akhirnya beliau tewas
- ☐ D lantaran akhirnya kalian tewas

6.

Konstruksi Pengetahuan Sistem Bahasa: Sintaksis

Bahagian yang **bergaris** dalam ayat-ayat yang berikut **mungkin** **mengandungi** **kesalahan** **penggunaan bahasa** **dan** **mungkin juga tidak.**
Tandakan sama ada **A, B** atau **C** jika ayat itu **mengandungi** **kesalahan** **dan** **tandakan** **D** jika **tiada** **kesalahan.**

Pelbagai bantuan telah kerajaan salurkan untuk membantu rakyat yang terkesan akibat banjir pada bulan lalu.

- ☐ A Berbagai bantuan akan disalurkan kerajaan
- ☐ B Pelbagai bantuan telah disalurkan kerajaan
- ☐ C Berbagai bantuan sedang kerajaan disalurkan
- ☐ D Pelbagai bantuan telah kerajaan salurkan

7.

Konstruksi Pengetahuan Sistem Bahasa: Sintaksis

Pilih ayat-ayat yang **betul.**

- I Datuk suka duduk-duduk di beranda rumah pada waktu petang.
- II Encik Azri tergesa-gesa meninggalkan majlis itu kerana perutnya sakit.
- III Mak Cik Salmah hendak membuka gerai makan secara kecil-mengecil.
- IV Dia mundur-mandir dari Tanjung Malim ke Kuala Lumpur dengan menaiki komuter.

- ☐ A I dan II sahaja
- ☐ B III dan IV sahaja
- ☐ C I, II, dan III sahaja
- ☐ D II, III, dan IV sahaja

8.

Konstruk

Pengetahuan Sistem Bahasa: Sintaksis



Pilih ayat-ayat yang **betul**.

- I Semasa saya ke bandar tadi, saya jumpa Nina dan kawannya di sebuah pasar raya.
- II Azhar sering termenung sejak belakangan ini kerana dia rindu akan keluarganya di kampung.
- III Ley Fen fasih berbahasa Melayu kerana dia tinggal di kampung yang didiami oleh masyarakat Melayu.
- IV Kumari sedang membancuh air kopi di dapur sambil mendengar lagu yang berkumandang dari corong radio.

- ☐ A I dan II sahaja
- ☐ B III dan IV sahaja
- ☐ C I, II, dan III sahaja
- ☐ D II, III, dan IV sahaja

9.

Konstruk

Pengetahuan Sistem Bahasa: Sintaksis

Pilih ayat yang mempunyai maksud yang **sama** atau maksud yang **paling hampir** dengan ayat yang dicetak tebal.

Rakyat di negara ini digalakkan untuk berhemah di jalan raya supaya keselamatan mereka dapat dipelihara.

- ☐ A Rakyat yang berhemah di jalan raya dapat memelihara keselamatan mereka dan negara ini.
- ☐ B Rakyat diharapkan supaya berhemah di negara ini demi memelihara keselamatan di jalan raya.
- ☐ C Rakyat Malaysia disarankan untuk berhemah di jalan raya supaya keselamatan mereka dapat dijaga.
- ☐ D Keselamatan rakyat akan dapat dipelihara sekiranya galakan untuk berhemah di jalan raya sentiasa dipatuhi.

10.

Konstruk

Pengetahuan Sistem Bahasa: Peribahasa

Pilih peribahasa yang **paling sesuai**.

Perbalahan antara Pak Aki dengan adiknya yang berebut harta pusaka itu telah berakhir. Mereka akhirnya berdamai dan berbaik-baik semula.

Peribahasa yang manakah yang paling tepat berdasarkan pernyataan di atas?

- ☐ A Bagai aur dengan tebing
- ☐ B Burung terbang dipipiskan lada
- ☐ C Biduk berlalu kiambang bertaut
- ☐ D Seperti enau dalam belukar, melepaskan pucuk masing-masing